



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	21/8/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	JHL Sabah dan Jabatan Perhutanan Sabah			

Jumpa bakakuk, bangkai pelanduk

Kota Marudu: Bunyi tembakan membongkar kegiatan pemburuan haram di kawasan hutan simpan berhampiran Kampung Ranggal, Pitas di sini, kelmarin.

Pasukan Gerakan Am (PGA) yang melakukan rondaan bersama Jabatan Hidupan Liar Sabah dan Jabatan Perhutanan Sabah dalam Op Bersepadu Khazanah (OBK) dikejutkan dengan bunyi tembakan jam 8.30 malam.

Komander Briged PGA Sabah, Senior Asisten Komisioner Mohd Abduh Ismail berkata, bagaimanapun sebaik tiba di lokasi, pihaknya hanya menemukan satu senjata api buatan sendiri atau bakakuk ditinggalkan di kawasan itu dan pemburu dipercayai sudah melarikan diri.

Katanya, hasil pemeriksaan lanjut, pasukan operasi menemukan tiga butir peluru, dua bangkai pelanduk dan parang.

“Satu daripada tiga peluru sudah digunakan manakala dua lagi adalah ke-



HM, 21 Ogos
2021_24

Satu daripada tiga peluru sudah digunakan manakala dua lagi adalah kelongsong hidup”

Mohd Abduh

longsong hidup. Nilai rampasan keseluruhan dianggarkan bernilai RM3,245 termasuk dua pelanduk dipercayai ditembak mati dalam aktiviti pemburuan haram itu,” katanya.

Mohd Abduh berkata, barang rampasan sudah diserahkan kepada pihak polis manakala bangkai haiwan diserahkan kepada Jabatan Hidupan Liar Sabah untuk tindakan selanjutnya.

Katanya, siasatan lanjut sedang dijalankan mengikut Seksyen 8 (a) Akta Senjata Api 1960 dan Seksyen 25 (2) (a) Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997.



BAKAKUK dan bangkai pelanduk yang ditemui anggota PGA.

